

SH 19/3/09 PS-T3

## Penyelidik giat komersial hidupan laut Bagit sumber pendapatan

**KUALA TERENGGANU** - Penyelidik Universiti Malaysia Terengganu (UMT) kini sedang berusaha menjalankan kajian secara terperinci tentang kewujudan spesies bagit yang boleh dijadikan sumber pendapatan tambahan bagi golongan nelayan.

Penyelidik berkenaan, Mustafa Man berkata, bagit merupakan spesies hidupan laut yang boleh dikomersialkan.

"Jika diperhatikan dari segi rupa dan bentuk, bagit seakan-akan lala dan biasanya ia boleh diperolehi dengan banyak di kawasan persekitaran pantai di Johor dan Melaka.

"Cuma, bagi bagit, kita masih belum mengetahui tentang struktur tanah yang sesuai untuk hidup dan membiak," katanya.

Katanya, kajian terperinci sedang dilakukan terutamanya dari segi ekologi, struktur tanah pasir, kaedah pembiakan, populasi, kajian pasaran dan pelbagai lagi faktor yang membolehkan spesies ini hidup kekal dan juga bagi memastikan ia tidak pupus.

Sehubungan itu, beliau menyarankan agar penyelidik di UMT boleh menjalankan kajian terperinci mengenai spesiesnya yang boleh dijadikan sumber pendapatan tambahan bagi golongan nelayan.

"Dalam masa sama, saya akan mewujudkan satu pangkalan data biodiversiti bagi spesies ini bagi membantu penyelidik lain yang berminat untuk menjalankan kajian bersama.



**Dari segi rupa dan bentuk, bagit ini seakan-akan lala dan biasanya diperolehi dengan banyak di kawasan persekitaran pantai di Johor dan Melaka. Cuma, bagi bagit, kita masih belum mengetahui tentang struktur tanah yang sesuai untuk hidup dan membiak.**

- Mustafa Man